

01/09/2003

Kemeriahan sambutan hadiah perpisahan untuk Dr Mahathir

Mohd Azlan Jaafar; Fazli Abdullah; Magendran Rajagopal; Wan Esuriyanti  
KUALA LUMPUR: Sambutan meriah Hari Kebangsaan ke-46 di Boulevard Putrajaya disifatkan hadiah perpisahan yang sangat bermakna daripada rakyat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata sambutan kali ini amat bersejarah dan pasti tidak dilupakan Dr Mahathir kerana ini kali terakhir beliau menyambutnya sebagai Perdana Menteri.

"Saya rasa Dr Mahathir pun terharu sebab saya nampak semua kejayaan negara dapat dibayangkan sepenuhnya.

"Upacara sambutan kali ini yang memaparkan segala kejayaan, keamanan, keharmonian serta kemakmuran negara di bawah kepemimpinan beliau.

"Selaku seorang menteri Kabinet mewakili kaum Cina dalam kerajaan Dr Mahathir, saya turut bangga dengan pencapaian ini," kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau kagum dengan semangat rakyat yang keluar beramai-ramai meraikan sambutan kali ini sebagai menghargai kepemimpinan Dr Mahathir selama 22 tahun.

"Sambutan yang dimeriahkan dengan kehadiran rakyat pelbagai kaum di Dataran Putrajaya menunjukkan sejauh mana mereka berterima kasih dengan apa yang dilakukan Perdana Menteri untuk membangunkan negara selama ini.

"Malah, acara sambutan semalam dan di Dataran Merdeka kelmarin yang menyaksikan kehadiran hampir 350,000 rakyat pelbagai kaum adalah pengiktirafan kepada Dr Mahathir sebagai arkitek pembangunan negara," katanya yang juga Menteri Kerjaraya.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata penyertaan masyarakat kali ini adalah luahan rasa sayang mereka kepada negara dan pemimpin.

"Sumbangan Dr Mahathir kepada pembangunan negara serta menjamin kesinambungan keharmonian dan perpaduan kaum wajar dijadikan iktibar setiap rakyat.

"Sambutan di Putrajaya ini adalah hadiah perpisahan amat bernilai kepada Perdana Menteri sebagai memperingati pengorbanan beliau kepada negara selama ini," katanya.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein menganggap sambutan kali ini mempunyai elemen 'melankoli' berikutan ia tahun terakhir rakyat menyambut Hari Kebangsaan bersama Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Perarakan kali ini amat bermakna kepada setiap warga kita dan ia akan tercatat dalam sejarah negara untuk tatapan generasi akan datang," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata acara tahun ini amat penting kerana memaparkan kejayaan Malaysia sepanjang kepemimpinan empat Perdana Menteri.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno berkata, adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat mengekalkan kejayaan Malaysia dalam pelbagai bidang termasuk keamanan dan keharmonian yang dikecapi hingga kini.

"Biarpun kita menyambut sambutan kemerdekaan setiap tahun, tetapi semangat yang ditunjukkan kali ini jauh lebih tinggi dan inilah yang perlu dikekalkan," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, menyifatkan sambutan kali ini sebagai kebanggaan segenap lapisan masyarakat yang dapat hidup dalam harmoni walaupun berlainan agama dan bangsa.

"Upacara sambutan Bulan Kemerdekaan adalah masa untuk kita mengeratkan hubungan antara kaum dan bersatu demi kemajuan dan pembangunan negara.

"Saat ini wajar menyedarkan kita betapa bertuahnya hidup di negara aman walaupun dihuni pelbagai bangsa dan agama serta budaya berbeza," katanya.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, berkata perarakan dan perbarisan kali ini untuk memaparkan kepada seluruh dunia kejayaan Malaysia selepas 46 tahun merdeka.

"Sudah tiba masanya kita menunjukkan kejayaan negara kepada seluruh dunia," katanya.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin pula menaruh keyakinan semangat juang yang disemai pemimpin ulung negara akan terus mekar, walaupun Dr Mahathir tidak lagi memimpin kerajaan selepas Oktober ini.

"Saya yakin semangat yang dihidupkan pemimpin dulu terutama Dr Mahathir akan terus membara dalam sanubari rakyat dan inilah yang diperlukan negara untuk mencapai tahap negara maju kelak," katanya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M Kayveas, berharap Dr Mahathir akan terus bersama rakyat menyambut Hari Kebangsaan pada tahun-tahun akan datang.